



KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

## **KENYATAAN MEDIA**

### **BAJET 2024: KKDW JANGKA PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DESA MENINGKAT**

KUCHING, 11 Oktober - Kementerian Pembangunan Desa dan Wilayah (KKDW) menjangkakan peruntukan pembangunan desa di negeri-negeri akan meningkat kepada RM7.7 bilion pada tahun hadapan.

Menurut Timbalan Perdana Menteri dan Menteri KKDW Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, sebanyak RM5.79 bilion bersamaan 78.01% peruntukan pembangunan telah dibelanjakan pada tahun ini daripada RM7.42 bilion yang diterima untuk pembangunan desa.

“Kementerian menjangkakan peruntukan pembangunan ini meningkat kepada RM7.7 bilion pada tahun hadapan dan saya berharap agar YAB Perdana Menteri akan meluluskannya melalui Belanjawan Tahun 2024 yang akan diumumkan pada Jumaat nanti.”

Dato' Seri Dr Zahid berkata demikian di Mesyuarat MEXCLUB yang diadakan di Kuching, Sarawak siang tadi.

Pelaksanaan mesyuarat kedua pada tahun ini melibatkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak yang diuruskan oleh Kementerian Industri Makanan, Komoditi & Pembangunan Wilayah Negeri Sarawak (MFICORD).

Mesyuarat kali ini diadakan di Negeri Sarawak bagi membolehkan ahli mesyuarat melihat dengan lebih dekat strategi pembangunan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dalam mensasarkan Sarawak sebagai sebuah negeri berpendapatan tinggi seterusnya memberi tumpuan kepada kelestarian alam sekitar dan keterangkuman sosial.

MEXCLUB ini juga menjadi platform untuk perbincangan secara membina di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi memperkukuh persefahaman dalam melaksanakan agenda pembangunan luar bandar.

Dato' Seri Zahid berkata, KKDW dan Kerajaan Negeri akan terus memberikan kerjasama terhadap program yang dilaksanakan termasuklah untuk program-program baharu dalam perancangan desa progresif bagi memastikan penduduk luar bandar akan mendapat manfaat daripada program-program yang telah dirancang oleh Kerajaan.

“Pejabat KKDW Negeri (PKN) sentiasa membuat *engagement* dan memainkan peranan pro aktif dengan pihak Kerajaan Negeri/ Exco Luar Bandar supaya kualiti perkhidmatan dan sistem penyampaian terutamanya dalam pelaksanaan projek-projek KKDW dapat dipercepatkan dan masyarakat luar bandar mendapat manfaat daripada pelaksanaannya.”

Pada mesyuarat ini tiga kertas kerja dibentangkan antaranya mengenai Haluan Baharu KKDW oleh Ketua Setiausaha KKDW Dato' Sri Ramlan Dato' Harun, Majlis Amanah Rakyat (MARA) pula membentangkan Hala Tuju Baharu: Memperkasakan Ekosistem MARA Dalam Memperbaharui Agenda Pembangunan Luar Bandar oleh Pengerusinya Dato' Dr Asyraf Wajdi Dato' Dusuki.

Manakala Strategi Pembangunan Luar Bandar di Negeri Sarawak pula dibentangkan Pengarah Unit Perancang Ekonomi Sarawak Lester Matthew.

Exco-Exco Luar Bandar turut memainkan peranan untuk membentangkan isu yang melibatkan modal insan, infrastruktur, ekonomi dan keusahawanan serta penyampaian perkhidmatan di luar bandar peringkat Kerajaan Negeri.

Mesyuarat kali ini dihadiri oleh Exco Luar Bandar Sarawak, Sabah Terengganu, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Selangor, Pahang, Kedah, Melaka, Johor dan Perlis.

Manakala Exco Luar Bandar Kelantan diwakili oleh Timbalan Exco dan Exco Luar Bandar Perak diwakili oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak.

MEXCLUB diharap dapat menjadi platform untuk perbincangan secara *constructive* di antara KKDW dan Kerajaan Negeri bagi memperkukuh persefahaman dalam melaksanakan agenda pembangunan luar bandar menjelang tahun 2030.

Kerajaan Negeri Sarawak turut mengaturkan Lawatan ke Borneo Empurau Farm & Resort di Serian untuk membawa ahli-ahli MEXCLUB melihat sebahagian konsep pembangunan yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

KKDW memperuntukkan sebanyak RM917 juta untuk melaksanakan 241 projek infrastruktur di Sarawak pada tahun ini.

### **INFO TAMBAHAN**

MEXCLUB adalah mesyuarat dwi tahunan yang diadakan sebagai medium dan forum di peringkat nasional bertujuan untuk mewujudkan persefahaman dan kerjasama yang lebih erat di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan luar bandar serta memantau dan memastikan program/ projek pembangunan luar bandar dapat dilaksanakan dengan berkesan seterusnya memberi impak kepada kumpulan sasar.

Keahlian MEXCLUB melibatkan Exco-Exco Luar Bandar, wakil daripada Kementerian Kewangan (MOF), Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri serta jabatan/ agensi di bawah KKDW.

TAMAT

Disediakan Oleh  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah  
11 Oktober 2023